

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN JULAI 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
1.	01.07.2022	Rasuah Polis : Peniaga Didenda RM100,000	Sinar Harian	2
2.	04.07.2022	Pendedahan Pengurusan Dana Masjid Penting elak Penyelewengan - SPRM	Sinar Harian	
3.	01.07.2022	YDP Pertubuhan Kebajikan Ditahan Reman	Sinar Harian	3
4.	06.07.2022	Pembantu Penguatkuasa JPJ Didakwa Terima Suapan	Kosmo	4
5.	15.07.2022	37 Ditahan Babit Penipuan RM100 Juta – Penjana Kerjaya	Kosmo	5
6.	15.07.2022	Suami Isteri Direman Kemuka Tuntutan Palsu RM1.18J	Kosmo	6
7.	16.07.2022	Guna Data Pencari Kerja Untuk Tipu – Perkeso Kenal Pasti 66 syarikat Untuk Dirujuk Kepada SPRM, PDRM	Kosmo	7
8.	19.07.2022	‘Stadium Repairs Secondary To Flooding Issue’	The Sun	8
9.	19.07.2022	RM787 Juta Untuk Baik Pulih, Bukan Bina Stadium Baharu’	Sinar Harian	9
10.	19.07.2022	MACC Detains CEO, Director To Assist In Penjana Kerjaya Misappropriation Probe	The Edge CEO Morning Brief	10
11.	19.07.2022	Dua Lagi Individu Ditahan SPRM	Harian Metro	11
12.	19.07.2022	Lagi Ditahan Tipu Dalam Dana Penjana Kerjaya	Kosmo	12
13.	20.07.2022	Kontraktor Dijel Sehari, Denda RM10,000	Harian Metro	
14.	21.07.2022	Nafi Terima RM5,000 – Pengarah LKIM Selangor Dituduh Terima Habuan Balasan Melantik Pembekal Benih, Baja, Racun	Harian Metro	13
15.	21.07.2022	Tiga Ditahan Kemuka Invois Palsu RM800,000	Harian Metro	14
16.	22.07.2022	Seleweng RM100K	Harian Metro	15
17.	22.07.2022	Salah Guna Jawatan – Dua Pegawai Kanan MARA Didakwa Mendapatkan Suapan Dengan Meluluskan Bayaran Elaun Memangku Bagi Diri Sendiri	Harian Metro	16
18.	26.07.2022	66 Syarikat Salah Guna PenjanaKerjaya	Sinar Harian	17
19.	30.07.2022	Minta RM2K Lulus Claim Jaga – Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Nafi Tuduhan	Harian Metro	18

Sinar Harian | 1 July 2022 | Page 23

Rasuah polis: Peniaga didenda RM100,000

SEREMBAN - Seorang peniaga bakso didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen Seremban pada Khamis atas pertuduhan memberi rasuah kepada anggota polis supaya tidak mengambil tindakan terhadap lima rakannya yang ditahan atas kesalahan jenayah, tahun lalu.

Hakim Rushan Lutfi Mohamed menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Mohd Zaed Asan, 34, selepas dia membuat pengakuan bersalah.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara 24 bulan jika tertuduh gagal menjelaskan denda

berkenaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh dengan seorang lagi yang masih bebas dengan niat bersama telah secara rasuah memberi suapan wang tunai RM200,000 kepada sorang ejen Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ia sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan terhadap lima rakannya yang ditahan dalam serbuan oleh polis dari Ibu Pejabat Daerah Nilai pada 13 November 2021 di sebuah di Residensi Aster Pusat Mesa Putra Nilai atas kesalahan jenayah penipuan pelaburan.

Perbuatan itu dilakukan pada 14 November 2021 di dalam kereta jenis Volkswagen Passat di tepi jalan berhampiran stesen minyak di Nilai Square Commercial Center, Nilai.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksaan (Akta 574) dibaca bersama Seksyen 34 akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara selama tempoh yang boleh sampai satu perempat daripada tempoh pemenjaraan yang lama sekali diperuntukan bagi kesalahan itu atau dengan denda atau dengan kedua-duanya.

Peguam, Kamal Adha Mohd Harozi merayu mahkamah menjatuhkan hukuman berbentuk denda memandangkan tertuduh mempunyai isteri dan dua anak berusia setahun serta dua tahun.

"Tertuduh juga perlu membayar ansuran pinjaman kereta, sewa rumah dan memberi wang kepada orang tuanya. Tertuduh hanya menurut arahan suspek iaitu rakannya yang masih bebas," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin meminta mahkamah menjatuhkan hukuman dengan mengambil kira kepentingan awam serta kesalahan serius dilakukan tertuduh.



Tertuduh dikawal pegawai SPRM di Mahkamah Sesyen Seremban pada Khamis.

Sinar Harian | 4 July 2022 | Page 13

Pendedahan pengurusan dana masjid penting elak penyelewengan - SPRM

MELAKA - Pendedahan yang jelas tentang pengurusan dana masjid kepada ahli jawatankuasa institusi itu penting dalam usaha memastikan tidak berlaku ketirisan atau penyelewengan sehingga menjejaskan kepercayaan awam serta kredibiliti masjid sebagai satu daripada platform penyaluran dana.

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Razim Mohd Noor berkata, pihaknya akan memperluaskan pengajaran Program Komuniti Masjid Memerangi Rasuah di seluruh negara dalam usaha meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang ramai khususnya ahli jawatankuasa masjid terhadap pengurusan dana.

Beliau berkata, secara umumnya kebanyakan kes penyelewengan adalah jenayah pecah amanah dan merupakan satu

kesalahan amat serius serta memberi impak yang besar kepada masyarakat sekiranya ia tidak diperangi di peringkat awal.

"Kita banyak menerima rungutan dan aduan daripada masyarakat yang melahirkan rasa tidak puas hati dan kebimbangan mereka terhadap pengurusan dana masjid dan perkara inilah yang perlu kita elakkan."

"Menerusi Program Komuniti Masjid Memerangi Rasuah, kita akan beri penerangan dan penjelasan kepada ahli jawatankuasa masjid tentang kesalahan rasuah dan aspek pencegahan lain yang perlu diberi penekanan dalam menguruskan dana masjid," katanya kepada pemberita selepas Program Komuniti Masjid Memerangi Rasuah di Surau Al-Mughni di Kampung Tersusun, Bukit Larang di sini pada Ahad.

Program anjuran SPRM dengan kerjasama Jabatan Agama



Razim (lima dari kiri) bersama peserta Program Komuniti Masjid Memerangi Rasuah di Bukit Larang pada Ahad.

Islam Melaka (JAIM) dan Surau Al-Mughni itu turut dihadiri Pengarah JAIM, Datuk Che Sukri Che Mat.

Mengulas lanjut Razim berkata, menerusi program itu juga, ahli jawatankuasa masjid dapat memperkemas prosedur

operasi standard (SOP) pengurusan dana masjid yang didapati longgar.

"Sebagai contoh pelaksanaan sesuatu projek menggunakan dana masjid perlu mengikut prosedur dan proses telus kerana kita tidak mahu projek-projek ini

hanya akan diperoleh dalam kalangan ahli jawatankuasa masjid itu sendiri.

"Perkara ini akan menimbulkan persepsi negatif sekali gus menyebabkan hilang kepercayaan kepada ahli jawatankuasa masjid," ujarnya. - Bernama

Sinar Harian | 1 July 2022 | Page 28

YDP pertubuhan kebajikan ditahan reman

KUALA TERENGGANU - Yang Dipertua (YDP) sebuah pertubuhan kebajikan di Terengganu ditahan reman lima hari bermula Khamis bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna jawatan untuk kepentingan diri pada 2018.

Suspek berusia 80-an bersama sekutunya yang berusia 50 tahun dibawa ke mahkamah pada Khamis bagi mendapatkan perintah reman di bawah Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah.

Reman kedua-dua suspek dibenarkan Majistret Noor Mazrinie Mahmood di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu.

Suspek yang merupakan YDP sebuah pertubuhan kebajikan disyaki telah menggunakan jawatannya dengan mengambil tindakan melantik sekutunya sebagai pengarah urusan sebuah syarikat usahasama (JV), di mana dia mempunyai kepentingan ke atas syarikat berkenaan.

Kedua-dua suspek ditahan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu pada Rabu.

Kes disiasat di bawah Seksyen 23 (1) Akta SPRM 2009.



YDP sebuah pertubuhan kebajikan direman lima hari bermula Khamis bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna jawatan untuk kepentingan diri.

Kosmo | 6 July 2022 | Page 12

Pembantu penguat kuasa JPJ didakwa terima suapan

MELAKA – Seorang pembantu Penguat kuasa Kanan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 12 pertuduhan menerima suapan berjumlah RM8,500, sejak dua tahun lalu.

Tertuduh, Ahmad Jamil Md. Rasu, 40, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim, Elesabet Paya Wan.

Bagi pertuduhan pertama hingga ke-10, Ahmad Jamil didakwa menerima masing-masing suapan bulanan berjumlah RM500 daripada sebuah syarikat pengangkutan dengan mengetahui ia mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasminya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Maybank dalam daerah Jasin Tengah pada 28 April 2020 hingga 3 Mac 2021.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau kedua-dua sekali mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Bapa kepada dua anak itu turut didakwa dua pertuduhan menerima suapan wang tunai RM3,500 sebagai dorongan tidak mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas lori-lori milik syarikat berkenaan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Maybank Berhad dalam daerah Melaka Tengah pada 28 April 2020 hingga 12 Mac 2021.

Bagi perbuatan itu tertuduh didakwa di bawah Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjarakan

maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda atau nilai suapan atau RM10,000 manamana yang lebih tinggi.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Irwansyah Abdul Samat mencadangkan jaminan sebanyak RM4,500 bersama syarat tambahan passport diserahkan kepada mahkamah dan perlu melaporkan diri setiap bulan di pejabat SPRM Melaka.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu jumlah dikurangkan kerana menanggung dua anak termasuk seorang orang kelainan upaya.

Elesabet kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,500 dan bersetuju dengan syarat tambahan dikemukakan pendakwaan.

Kes disebut semula pada 15 September ini.



AHMAD JAMIL didakwa dengan 12 pertuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen Melaka semalam.



	Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak		Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak		Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kuala Lumpur	5:58	7:10	1:22	4:46	7:30	8:45	Johor Bahru	5:52	7:05	1:13	4:38	7:19	8:33	Kuala Terengganu	5:50	7:03	1:16	4:40	7:26	8:40
Shah Alam	5:58	7:08	1:22	4:46	7:30	8:45	Ipoh	5:58	7:08	1:25	4:49	7:34	8:49	Kota Bharu	5:50	7:04	1:20	4:44	7:32	8:42
Seremban	5:57	7:11	1:20	4:45	7:27	8:41	Pulau Pinang	5:59	7:11	1:27	4:51	7:38	8:53	Kuantan	5:52	7:06	1:16	4:41	7:24	8:38
Melaka	5:57	7:10	1:20	4:44	7:26	8:40	Alor Setar	5:57	7:09	1:27	4:51	7:39	8:54	Kangar	5:56	7:11	1:27	4:51	7:40	8:55

SPRM buka 24 kertas siasatan Penjana Kerjaya, beku 36 akaun berjumlah RM7.3 juta 37 ditahan babit penipuan RM100 juta

Oleh EDDY HAMIDI

PUTRAJAYA — Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka 24 kertas siasatan berhubung tuntutan palsu insentif Program Penjana Kerjaya membabitkan penipuan sebanyak RM100 juta.

Kertas siasatan berkenaan dibuka selepas satu operasi besar-besaran dilakukan bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dikenali Ops Hire bermula kelmarin.

Siasatan itu rentetan terdapat majikan-majikan yang mengemukakan tuntutan palsu serta menyeleweng dana program itu.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim berkata, kertas siasatan itu melibatkan tuntutan-tuntutan bayaran penjana yang dibuat syarikat-syarikat di seluruh negara kepada Perkeso.

Menurutnya, jumlah keseluruhan peruntukan yang dituntut adalah sebanyak RM100 juta.

"Sebanyak 37 tangkapan telah dibuat menerusi Ops Hire melibatkan seramai 26 lelaki dan 11 wanita yang terdiri daripada individu berjawatan pengarah, pengurus, pemilik syarikat, pegawai eksekutif dan jurutera berumur 28 hingga 70 tahun.

"Siasatan dijalankan melibatkan seluruh negara kecuali Sabah, Sarawak, Labuan dan Terengganu," katanya ketika di-



PEGAWAI SPRM mengiringi empat lelaki termasuk seorang bergelar Datuk mendapatkan perintah reman di Mahkamah Shah Alam semalam bagi membantu siasatan tuntutan palsu program Penjana Kerjaya.

hubungi semalam.

Menurutnya, sebanyak 36 akaun bank milik syarikat-syarikat yang terlibat berjumlah RM7,344,177.13 telah dibekukan.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan memaklumkan bahawa siasatan berhubung kes berkenaan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



Kes ini melibatkan kepentingan awam dan wang rakyat yang perlu dipelihara daripada ketirisan."

AZAM BAKI

"Saya menegaskan bahawa kes ini melibatkan kepentingan awam dan wang rakyat yang per-

lu dipelihara daripada ketirisan. Tiada tolak ansur bagi mana-mana pihak yang menyeleweng atau menipu peruntukan ini," tegasnya.

Kelmarin, SPRM memaklumkan pelaksanaan operasi besar-besaran bersama Perkeso bagi menyiasat isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana insentif Program Penjana Kerjaya di beberapa negeri seluruh negara.

Penjana Kerjaya

- Singkatan Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya)
- Merupakan satu program di bawah Penjana yang diperkenalkan 5 Jun 2020
- Bertujuan merangsang permintaan pekerjaan dalam kalangan majikan
- Meningkatkan peluang pekerjaan dan kebolehpkerjaan pencari kerja tempatan
- Bermatlamat
 - Memperkasakan Rakyat, Melonjakkan Perniagaan dan Merangsang Ekonomi
- Program di bawah Penjana Kerjaya iaitu Pengambilan Pekerja dan Program Latihan (Hiring Incentive Program dan Training Program) dan Program Latihan (Reskilling and Upskilling).

Operasi berkenaan adalah rentetan maklumat diperolehi susulan pemantauan dan risikan SPRM dengan kerjasama Perkeso yang mendapati ada majikan-majikan yang mengemukakan tuntutan palsu serta menyeleweng dana program tersebut.

Program Penjana Kerjaya merupakan antara inisiatif kerajaan bagi membantu majikan dan pekerja semasa mendepani cabaran Covid-19.

KOSMO/15 JULAI 2022/JUMAAT/MUKA SURAT : 2

Suami isteri direman kemuka tuntutan palsu RM1.18j



SEPASANG suami isteri dibawa pegawai SPRM selepas mendapat kebenaran reman lima hari oleh Mahkamah Majistret Melaka semalam.

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB dan
DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

MELAKA – Sepasang suami isteri direman lima hari bermula semalam selepas dipercayai mengemukakan tuntutan palsu dana insentif Program Penjana Kerjaya bernilai RM1.18 juta, sejak dua tahun lalu.

Perintah reman sehingga 18 Julai itu dikeluarkan Majistret Mahkamah Melaka, Mohamad Izwan Mohamed Noh terhadap kedua-dua suspek berusia 54 dan 49 tahun.

Kedua-duanya direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen Kesalahan 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Ma-

laysia (SPRM) 2009.

Terdahulu, pasangan itu tiba di pekarangan mahkamah pada pukul 9.50 pagi dengan hanya suspek lelaki memakai baju lokap SPRM berwarna jingga. Proses permohonan reman itu selesai kira-kira 30 minit kemudian.

Difahamkan pasangan itu ditahan pada pukul 5 petang kelmarin di pejabat SPRM Melaka di Alai selepas dipercayai terlibat dalam kegiatan mengemukakan tuntutan palsu di bawah dana Penjana Kerjaya berjumlah RM1,182,600.

Suspek yang merupakan pemilik sebuah syarikat di negeri ini disyaki melakukan kesalahan itu antara tahun 2020 sehingga

tahun ini.

Sementara itu, di Selangor, empat individu termasuk seorang lelaki bergelar Datuk direman tiga hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu Penjana Kerjaya.

Perintah reman terhadap kesemua suspek lelaki berusia 23 hingga 54 tahun itu dikeluarkan Majistret Nur Faizah Abdul Sani.

Menurut sumber, kesemua suspek ditangkap kira-kira pukul 4 petang semalam selepas hadir memberikan keterangan.

"Salah seorang suspek yang ditangkap bergelar Datuk dan menjalankan perniagaan produk kecantikan secara dalam talian," katanya.

KOSMO | 16 JULAI 22 | PAGE 5

Perkeso kenal pasti 66 syarikat untuk dirujuk kepada SPRM, PDRM

Guna data pencari kerja untuk tipu

Oleh NOR AZIAH MAT NOH

PETALING JAYA – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) mendedahkan syarikat-syarikat yang disyaki terlibat dengan penyelewengan dana Program Insentif Pengambilan Pekerja (Penjana Kerjaya) menggunakan data peribadi pencari kerja untuk membuat tuntutan palsu.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, syarikat serta majikan terlibat dipercayai telah memasukkan maklumat serta data pencari kerja secara rawak ke dalam sistem Penjana Kerjaya Perkeso.

"Tuntutan palsu itu dibuat ke atas individu-individu kononnya diberikan pekerjaan tetapi sebenarnya ia adalah penipuan.

"Majikan akan memasukkan butiran data individu (pencari kerja) yang tidak mengetahui nama mereka digunakan kononnya telah diambil bekerja dengan syarikat berkenaan," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam. Jelasnya, data peribadi yang



TERDAPAT syarikat yang dikesan membuat tuntutan palsu melalui Penjana Kerjaya dengan memanipulasi data pencari kerja. – GAMBAR HIASAN

digunakan itu tidak semestinya pencari kerja yang telah ditemui duga untuk pekerjaan.

"Ia boleh dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang mana datanya boleh digunakan. Data luar

daripada Perkeso itu diambil secara rawak," ujarnya. Menurut beliau, hasil risikan

dan siasatan dijalankan bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati terdapat unsur penipuan menerusi tuntutan yang dipohon.

Katanya, sehingga kini Perkeso telah meneliti dan menghantar sebanyak 66 syarikat untuk dirujuk kepada SPRM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Siasatan akan diteruskan dan data akan diteliti. Saya minta mana-mana syarikat di luar sana yang belum dikesan untuk tampil bagi membantu siasatan serta dikenakan tindakan selanjutnya oleh SPRM," tambahnya.

Semalam Kosmo! melaporkan SPRM menahan 37 individu kerana terlibat dalam penyelewengan tuntutan palsu Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) menerusi Ops Hire.

Antara yang ditahan termasuk 26 lelaki dan 11 wanita terdiri daripada individu berjawatan pengarah, pengurus, pemilik syarikat pegawai eksekutif dan jurutera berusia 28 hingga 70 tahun melibatkan 24 kertas siasatan.

THE SUN/19 JULY 2022/TUESDAY/PAGE 2

'Stadium repairs secondary to flooding issue'

■ BY SURAYA ALI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Forget the high cost for a moment. Should the Selangor government spend RM787 million just to rebuild or refurbish the Shah Alam Stadium rather than implement flood mitigation measures for residents and businesses in the area? This was the question posed by an academic and a resident.

Last week, Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari announced that repair works on the stadium could cost up to RM787 million.

The hefty price tag has raised eyebrows.

It includes the cost of structural works, wiring and raising the platform to prevent flooding at the stadium.

UCSI professor of Islamic

➤ Money could be used to implement flood mitigation measures instead of redeveloping underutilised facility, says professor

architecture Dr Mohd Tajuddin Mohd Rasdi said the high cost of repairs was "questionable", considering the stadium was always underutilised.

"Apart from being underused, Amirudin said part of the cost is to prevent flooding at the stadium. So why don't we use the money to build a trench or tunnel to prevent flooding in the area instead?"

Tajuddin said the state government should consider moving the stadium elsewhere if flooding was a concern, noting that there were far better uses for the RM787 million.

"If flooding is prevented at the stadium, what about the surrounding areas? Will the stadium be useable during a flood? Can people get to the stadium during the floods?"

Tajuddin added that the redevelopment is secondary to solving the flooding problem.

"The main concern is flooding in the area. The authorities must convince the people why the money is not going to be used for flood management in the whole area instead of just the stadium," he said.

Shah Alam resident Hashim Mohamad, 53, agreed with Tajuddin.

He said he understood the value of the stadium to Shah Alam residents, but suggested that part of the RM787 million be used for flood management in the area instead of just the stadium.

"There are residential homes and businesses around the stadium that suffered huge losses during the floods, so why is Amirudin not doing anything about the bigger issue of flooding and instead wants to spend a huge amount of money on a single project?"

When told that the development project will be a public-private partnership and that public funds would not be used for the project, as the cost will be borne by the developer through a land swap deal, Hashim said: "It matters little how the deal is being made. But flood mitigation for residents and businesses in the area must also be considered."


"Since the developer will be getting land in this deal anyway, why not help us prevent flooding too?"

Last Friday, the Selangor government announced that it will decide whether to demolish or refurbish the Shah Alam Stadium in the coming months.

Amirudin said the decision to repair or rebuild the 28-year-old stadium would be determined based on the cost.

He was speaking to the media after state secretary Datuk Haris Kasim presented a letter of intent on the project to Malaysian Resources Corporation Berhad executive vice-president Datuk Dell Akbar Khan Hyder Khan.

He also said the deal would not involve any public funds.



Plans by the Selangor government to spend RM787 million to either rebuild or refurbish the Shah Alam Stadium have raised questions on why the money is not used for flood management instead. — AMIRUL SYAFIQ/THE SUN

10 NASIONAL

SELASA 19 JULAI 2022 • SINAR HARIAN

Jumlah tersebut untuk kerja meninggikan platform,baiki sistem pendawaian elektrik

Oleh ENGU SHARIFUL AZNI
SHAH ALAM

Peruntukan berjumlah RM787 juta yang diumumkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari baru-baru ini, bukan untuk membina stadium baharu menggantikan Stadium Shah Alam, Seksyen 13, di sini.

Bellau menerusi satu hantaran di Facebook memaklumkan jumlah tersebut termasuk kos meninggikan platform stadium sebanyak 1.5 meter bagi mengelak kejadian banjir berulang dan menukar sistem pendawaian elektrik.

Selain itu, kos tersebut meliputi kerja meruntuh dan menukar kos keseluruhan struktur bumbung sedia ada serta pembaikan padang serta membaiki sistem perpaipan. Amirudin mengakui bahawa

kos tersebut tidak terhad kepada Stadium Shah Alam sahaja, namun melibatkan Stadium Tertutup Malawati di kawasan sama.

"Sejak tahun 2013 hingga 2022, kerajaan negeri membelanjakan RM56 juta bagi membaiki dan baik pulih SSA (Stadium Shah Alam) antaranya bumbung, bilik persalinan, sistem pendawaian elektrik serta sistem saliran air.

"Oleh kerana saiz besar dan kebanyakan bahan gantian mahal, kos selenggara meningkat. Dijangkakan kos keseluruhan baik pulih dan menaik taraf kesemua fasiliti mencecah RM787 juta.

"Ia berdasarkan laporan serta kajian terperinci yang terbaru pada tahun lalu," katanya pada Isnin.

Amirudin berkata, kerajaan negeri membuat keputusan untuk melaksanakan pembangunan baharu Kompleks Sukan Shah Alam

selepas meneliti kesemua cadangan dan kertas kerja yang diterima sejak tahun 2013.

"Pembangunan baharu ini tidak melibatkan sebarang dana kerajaan negeri sebaliknya menumpukan teknologi hijau dan mesra alam serta memberi wajah baharu kepada SSA.

"Ini adalah detik bersejarah buat rakyat Selangor," katanya.

Pada Jumaat, kerajaan Selangor memutuskan Stadium Shah Alam yang menjadi ikon kepada pembangunan sukan negeri ini memerlukan satu pembaharuan dan diberi 'nafas baharu'.

Ketika Majlis Penyerahan Surat Niat (LOI) kepada Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), Amirudin berkata, syarikat itu perlu menyerahkan cadangan terperinci pelan pembangunan semula stadium berkenaan.

'RM787 juta untuk baik pulih, bukan bina stadium baharu'

amirudinshari.com
#KitaSelangor

STADIUM SHAH ALAM KEROSAKAN DAN PENYELENGGARAAN

- KOS MENYELENGGARA DARI 2013 - 2022 MENCECAH RM56 JUTA
- ANGGARAN KOS PEMULIHARAAN KESELURUHAN RM787 JUTA



- PERBELANJAAN BESAR KERANA
- INFRASTRUKTUR LAMA, DITUBUHKAN PADA 16 JULAI 1994
- KEROSAKAN SEMPURNA AKIBAT BANJIR BESAR PADA TAHUN 2006, 2015 DAN 2021
- PENINGKATAN HARGA BARANG

The Edge CEO Morning Brief | 19 July 2022 | Page 12

MACC detains CEO, director to assist in PenjanaKerjaya misappropriation probe

Bernama

KUALA LUMPUR (July 18): The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) detained a company chief executive officer (CEO) and director in Kuala Lumpur on Monday to assist in investigations into alleged false claims and misappropriation of PenjanaKerjaya incentive funds involving a total value of about RM100 million.

According to sources, the two individuals, a woman and a man in their 40s, were arrested at 1.30pm under Ops Hire in collaboration with the Social Security Organisation (Socso).

"They are believed to have submitted invoices for the Employment Recruitment Incentive Programme (PenjanaKerjaya) containing false details to [Socso] to obtain payment of about RM700,000 under the National Economic Recovery Plan [to help employers and employees affected by Covid-19 pandemic] when the programme was [in fact] not fully implemented.

"The company's director, a man, will be remanded until Thursday (July 21) af-

ter Magistrate Mohd Dinie Shazwan Ab Shukor allowed the MACC's application at the Putrajaya Magistrate's Court this morning while the woman (CEO) was released after her statement was recorded," said the source.

MACC senior director of investigation Datuk Seri Hishamuddin Hashim confirmed the arrests and said the case is being investigated under Section 18 of the MACC Act 2009.

He said the operation (Ops Hire) and investigations are still ongoing and did not rule out the possibility of several more arrests being made in the near future.

On Thursday (July 14), the MACC detained 37 individuals in several states to assist with investigations into the matter and three more individuals were detained in Johor and Penang a day later on the same case.

So far, 42 individuals have been arrested through Ops Hire.

Meanwhile, in Putrajaya, Socso issued a denial that its office here had been raided by MACC over the issue of false claims from the PenjanaKerjaya fund involving about RM100 million.

Socso's chief communications and corporate affairs officer Izad Raya in a statement on Monday said a report by a news portal entitled "MACC picks up 40 employees of the Ministry of Human Resources (KSM), Socso — Sources", published on Monday, is untrue and has tarnished Socso's reputation.

"No raids were made at KSM or Socso," he said, adding that Socso regretted it had not been contacted in advance to confirm the facts before the news was published.

Harian Metro | 19 July 2022 | Page 1,2



42 INDIVIDU SUDAH DITAHAN BAGI BANTU SIASATAN SPRM

PAKAT SELEWENG DANA

2 lagi individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam sebagai dayak terlibat menyeleweng dana dan bantuan paku Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta. Sejak Ops Hire dilaksanakan 13 Julai lalu, seramai 42 individu terkat sudah ditahan dan deraan. Operasi itu dijalankan serentak di ibu pejabat SPRM dan pejabat cawangan. *— Raja Noraina Raja Rahim*



TUNTUTAN PALSU RM100 JUTA

Dua lagi individu ditahan SPRM

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dua lagi individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta. Sumber berkata, kedua-dua suspek yang juga

pemilik dan pengarah syarikat berusia 30-an serta 40-an itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, semalam.

"Setakat ini seramai 42 orang sudah ditahan dalam Op Hire termasuk dua individu yang akan direman hari ini (semalam)."

"Mereka ditahan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009," katanya kepada Harian Metro. Jumaat lalu, ketua kerani kanan antara tiga lagi in-

dividu yang ditahan SPRM bagi membantu siasatan berhubung isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana PenjanaKerjaya.

"Setakat ini seramai 42 orang sudah ditahan dalam Op Hire"

Sumber

Suspek dipercayai menerima wang berjumlah RM5,000 daripada salah seorang pemilik syarikat sebagai balasan untuk membantu syarikatnya dalam urusan tuntutan bagi program berkenaan. Terdahulu, SPRM dan

Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) melancarkan Ops Hire bagi menyiasat isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana Insentif PenjanaKerjaya di beberapa negeri.

SPRM dalam kenyataan memaklumkan operasi berkenaan yang dikendalikan Ibu Pejabat SPRM bersama-sama SPRM Negeri itu dijalankan secara serentak.

Program PenjanaKerjaya antara inisiatif kerajaan bagi membantu majikan dan pekerja semasa mendepani cabaran Covid-19 bermula awal 2020.

Kosmo | 19 July 2022 | Page 12

Sejumlah 42 individu termasuk penjawat awam, libatkan tuntutan RM100 juta

Lagi ditahan tipu dana Penjana Kerjaya

Oleh EDDY HAMIDI

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua lagi individu yang terdiri daripada pemilik dan pengarah syarikat susulan penyelewengan dana Program Penjana Kerjaya (Penjana Kerjaya).

Kedua-dua suspek berusia 30-an dan 40-an itu ditahan ketika mereka hadir ke Ibu Pejabat SPRM di sini petang kelmarin untuk memberikan keterangan berhubung kes tersebut.

Menurut sumber, kedua-dua



KERATAN Kosmo! 15 Julai 2022.

individu tersebut dipercayai telah membuat tuntutan palsu Penjana Kerjaya dan tidak melaksanakan sebarang latihan pekerja baru seperti yang didakwa.

"Terbaharu kita dapati, mereka (suspek) adalah pihak yang mendakwa telah melaksanakan latihan kepada pekerja baharu, namun sebenarnya tiada sebarang latihan dibuat.

"Tiada sesi latihan pekerja baharu seperti yang didakwa malah nama-nama peserta latihan itu dipercayai diperolehi daripada syarikat-syarikat pencari kerja," katanya ketika dihubungi semalam.

Jelas beliau, kedua-dua suspek kini ditahan dan siasatan akan dilakukan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Pengarah

Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan menegaskan bahawa siasatan berhubung kes berkenaan masih lagi diteruskan.

"Siasatan berhubung tuntutan palsu dan penyelewengan dana ini akan diteruskan dan mungkin ada beberapa lagi syarikat terlibat yang akan dikenal pasti," tegas beliau.

Kosmo! difahamkan, dengan penahanan dua individu tersebut, jumlah keseluruhan suspek yang ditahan menerusi Ops Hire setakat ini telah mencecah seramai 42 orang.

ma 42 orang.

Terdahulu, Kosmo! melaporkan seramai 37 individu ditahan termasuk seorang lelaki bergelar Datuk berhubung tuntutan palsu dana insentif Program Penjana Kerjaya membabitkan penipuan sebanyak RM100 juta.

Rentetan itu sebanyak 24 kertas siasatan dibuka selaras dengan operasi secara besar-besaran SPRM dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Dalam operasi dikenali Ops Hire berkenaan, SPRM turut menahan tiga individu termasuk seorang kakitangan awam bagi membantu siasatan kes itu.

Harian Metro | 20 July 2022 | Page 8

SUAP PEGAWAI PENGUAT KUASA MBIP RM1,500

Kontraktor dijel sehari, denda RM10,000

Johor Bahru: Seorang kontraktor dihukum penjara sehari serta didenda RM10,000 selepas mengaku bersalah memberi suapan RM1,500 kepada pegawai penguat kuasa Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) tiga bulan lalu.

Tertuduh, Phang Kok Ling, 39, dijatuhkan hukuman itu selepas membuat pengakuan berkekenaan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa secara rasuah memberikan suapan RM1,500 kepada Penolong Pegawai Penguatkuasa Shah Rizal Abdul Hamid sebagai dorongan tidak mengambil tindakan penguatkuasaan selanjutnya ke atas syarikat milik abangnya yang menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Syarikat spa refleksologi itu juga gagal mematuhi Notis Supaya Memberhentikan Aktiviti Perniagaan / Menjaja Tanpa Lesen serta kesalahan mempamerkan iklan tanpa lesen MBIP.

Perbuatan itu dilakukan



PHANG (kanan) dijatuhi hukuman selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.

tertuduh di Pejabat Jabatan Penguatkuasaan MBIP, jam 2.20 petang, 12 April lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM, Nik Lokman Hakim Nik Mo-

hd Nor memohon hukuman setimpal berbentuk pengajaran kepada tertuduh khususnya dan masyarakat amnya, memandangkan perbuatan memberi rasuah tidak berkredibiliti dan tidak bermoral.

Dalam rayuan meringankan hukuman, tertuduh diwakili peguam Goh Sze Han, Ahmad Yusri Ahmad Fuad dan Muhammad Nasir menyatakan dia insaf dan ini kesalahan pertamanya.

Sze Han berkata, tertuduh mempunyai tanggungan dua anak masing-masing

berusia setahun dan lima tahun selain isteri yang juga suri rumah.

"Tertuduh pesakit darah tinggi dan masih mendapatkan rawatan, manakala pendapatannya sebagai kontraktor adalah RM4,000 sebulan," katanya.

Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara sehari mulai semalam kepada tertuduh dan turut memerintahkan tertuduh dipenjarakan tiga bulan jika gagal membayar denda berkekenaan selain wang suapan RM1,500 itu dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

Mengikut fakta kes, tertuduh yang hadir menemani abangnya di Pejabat Jabatan Penguatkuasaan MBIP itu pada 11 April lalu, menawarkan rasuah kepada pegawai penguat kuasa terbabit sebagai tanda kawan dan supaya tidak mengambil tindakan lagi pada masa akan datang.

Difahamkan, walaupun diberi amaran tiga kali, tertuduh tetap menghulurkan RM1,500 itu sebelum meletakkannya di atas meja.

Harian Metro | 21 July 2022 | Page 20

Nafi terima RM5,000

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

*Pengarah LKIM Selangor dituduh terima habuan
balasan melantik pembekal benih, baja, racun*

Shah Alam

Seorang pengarah di sebuah agensi kerajaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menerima suapan wang tunai RM5,000 kononnya sebagai balasan melantik pembekal melaksanakan kerja-kerja membekal benih, baja dan racun.

Tertuduh, Khusairi Husain, 56, yang juga Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Selangor didakwa menerima untuk dirinya wang tunai RM5,000 daripada seorang pengurus besar sebuah badan berkanun cawangan Klang yang ada kena mengena dengan tugas rasminya.

Khusairi membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Muhammad Anas Mahadzir.

Khusairi didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Sungai Besar, Sabak Bernam pada 24 November 2020 mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Irna Julieza Maaras menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasportnya kepada mahkamah sehingga kes selesai dan melapor



KHUSAIRI dibawa ke Mahkamah Sesyen, Shah Alam atas pertuduhan menerima rasuah. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

22 Ogos

Tarikh ditetapkan mahkamah untuk sebutan semula kes

diri di pejabat SPRM berdekatan pada 1 hari bulan setiap bulan.

Peguam Noor Adzrie Mo-

hd Noor yang mewakili tertuduh memohon jaminan minimum dengan alasan anak guamnya adalah penanggung tunggal keluarga dan mempunyai empat orang anak.

"Saya mencadangkan jaminan RM5,000 dan sepanjang ditahan tertuduh memberi kerjasama baik dengan pihak SPRM selain tidak membantah sebarang syarat tambahan dikena-

kan," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin dan pasportnya diserahkan kepada mahkamah serta perlu melaporkan diri di pejabat SPRM berdekatan pada minggu pertama setiap bulan.

Mahkamah juga menetapkan 22 Ogos ini untuk sebutan semula kes.

Harian Metro | 21 July 2022 | Page 22

Tiga ditahan kemuka invois palsu RM800,000

Kota Kinabalu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga individu selepas dipercayai terbabit mengemukakan invois palsu bernilai lebih RM800,000, semalam.

Invois tuntutan berkeenaan dilaporkan diserahkan kepada pejabat di sebuah kementerian pada tahun 2019.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek ditahan di Pejabat SPRM Sabah jam

10 pagi selepas hadir memberi keterangan bagi membantu siasatan.

Katanya, mereka dipercayai mengemukakan invois palsu berkaitan tuntutan bayaran kos pengangkutan bagi projek untuk tempoh tiga bulan iaitu daripada September hingga November 2019.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan.



RAMANANaidu mengaku tidak bersalah ketika didakwa di Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam.

Seleweng RM100k

*Pemilik syarikat didakwa salah
guna dana Mitra minta bicara*

Bernama

Alor Setar

Seorang pemilik syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menyalahgunakan dana peruntukan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (Mitra) pada Februari tahun lalu.

K C Ramananaidu, 32, mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Harmi Thamri Mohamad.

Ramananaidu didakwa menyalahgunakan RM100,000 kepunyaan Kerajaan Malaysia menerusi Unit Mitra bagi Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India B40 di Malaysia melalui bidang pertanian.

Dia dituduh berbuat demikian di Agrobank Berhad Cawangan Sungai Petani, No. 12@13 Ja-

lan PPZ 1, Pusat Perniagaan Zamrud, Kuala Muda pada 26 Februari tahun lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang enam bulan atau dengan sebatan dan denda.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan seorang penjamin selain syarat tambahan agar tidak mengganggu saksi kes berkenaan serta perlu hadir ke mahkamah pada tarikh ditetapkan.

Mahkamah menetapkan 25 Ogos hadapan untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen berkaitan.

Pendakwaan kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohd Zulfa-
di Azharudin,
manakala ter-
tuduh diwa-
kili peguam
Miguel
Sequerah.

Mahkamah
membenarkan
tertuduh diikat jamin
RM50,000

Harian Metro | 22 July 2022 | Page 20

Salah guna jawatan

Dua pegawai kanan Mara didakwa mendapatkan suapan dengan meluluskan bayaran elaun memangku bagi diri sendiri

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dua pegawai kanan Majlis Amanah Rakyat (Mara) didakwa di Mahkamah Sesiyen di sini, semalam atas pertuduhan menyalahgunakan jawatan untuk mendapatkan suapan dengan meluluskan bayaran elaun memangku bagi diri mereka.

Tertuduh, Rizal Abdul Ghani, 44, dan Noor Irwan Marmin tidak mengaku bersalah atas semua pertuduhan yang dibacakan terhadap mereka di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Rizal yang tidak diwakili peguam didakwa atas lima pertuduhan melakukan kesalahan itu di tingkat 20, Menara Mara, Jalan Tunku Abdul Rahman, di sini, sejak 17 September 2021 hingga 21 Januari lalu.

Dia sebagai seorang penjawat awam dituduh menggunakan kepentingan jawatannya sebagai Pengarah Kewangan Korporat Kumpulan Mara Corporation Sdn Bhd untuk mendapatkan suapan dengan meluluskan *Internal Memo*, Mara Corporation.

Dalam tuduhan itu, Rizal didakwa menerima lima bayaran berasingan berjumlah RM30,375 pada 15 September 2021, dan seterusnya sebanyak RM2,625 pada setiap bulan bermula Oktober, November, Disember tahun sa-



DUA pegawai kanan MARA bersama pegawai SPRM di luar Mahkamah Sesiyen Kuala Lumpur.
- Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

ma serta Januari lalu.

Bagi lima pertuduhan ke atas Noor Irwan, dia didakwa melakukan kesalahan sama di tingkat 20, Menara Mara, Jalan Tunku Abdul Rahman, sejak 17 September 2021 hingga 21 Januari lalu.

Dia sebagai seorang penjawat awam dituduh menggunakan kepentingan jawatannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Mara Corporation Sdn Bhd,

untuk mendapatkan suapan dengan meluluskan *Internal Memo*, Mara Corporation.

Dalam tuduhan itu Irwan didakwa menerima lima bayaran berasingan berjumlah RM33,000 pada 15 September 2021, dan seterusnya sebanyak RM3,200 pada setiap bulan bermula Oktober, November, Disember tahun yang sama serta Januari lalu.

Pihak pendakwaan yang diwakili

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) A Kalaivani memohon jaminan sebanyak RM50,000 dikenakan.

Hakim kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM45,000 kepada Noor Irwan dan RM40,000 kepada Rizal.

Kedua-dua tertuduh juga perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri kepada SPRM.

Hakim menetapkan 23 Ogos ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Jumlah ikat jamin
RM45,000 kepada Noor
Irwan dan RM40,000
kepada Rizal

Sinar Harian | 26 July 2022 | Page 2

66 syarikat salah guna PenjanaKerjaya

Kuala Lumpur: Sebanyak 66 syarikat dikenal pasti menyalah guna tuntutan Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya).

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menggunakan kaedah siasatan forensik dalaman bagi mengesan salah laku berkenaan.

"Sehingga kini, 45,379 syarikat sudah mendapat manfaat tuntutan insentif program itu yang juga sebahagian usaha untuk mengurangkan pengangguran.

"Sehingga hari ini, lebih RM2 bilion sudah dibelanjakan. Namun, tidak dinafikan ada yang terlepas pandang dengan 66 syarikat dikenal pasti ambil kesempatan dan salah guna.

"PERKESO membuat aduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mengambil tindakan tanpa mengira kedudukan dan ideologi politik," katanya.

Beliau berucap di majlis perasmian Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, di sini semalam.

Gantung bayaran RM423 juta

Pada 15 Julai lalu, PERKESO menggantung bayaran PenjanaKerjaya sebanyak RM423 juta, susulan penyelewengan dan tuntutan palsu membabitkan majikan serta penyedia latihan.

Saravanan berkata, buat julung kali ekspo kerjaya secara besar-besaran dianjurkan dengan

pembabitan 1,000 majikan yang menawarkan lebih 30,000 peluang pekerjaan.

Beliau berkata, ekspo selama lima hari sehingga Rabu ini, menyediakan banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor yang disasarkan kepada semua golongan.

"Ini termasuk graduan dan golongan rentan seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU), veteran askar, Orang Asli dan bekas banduan, juga pencari kerja umum," katanya.

Beliau berkata, program JaminKerja-Insentif Penggajian yang dikendalikan PERKESO, bertujuan menyediakan 300,000 daripada sasaran 600,000 peluang pekerjaan menerusi Inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia di bawah Bajet 2022.

Harian Metro | 30 July 2022 | Page 4

PENOLONG PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH NAFI TUDUHAN

MINTA RM2K LULUS **CLAIM** JAGA

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Port Dickson dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam atas pertuduhan menerima suapan bagi meluluskan tuntutan tugas pengawal keselamatan sekolah lima tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Fauzi Abdul, 46, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Menurut kertas pertuduhan, tertuduh yang bertugas di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Port Dickson menerima suapan wang tunai RM2,000 daripada seorang lelaki sebagai upah bagi meluluskan tuntutan tugas pengawal keselamatan bagi bulan Oktober 2017 di sekolah-sekolah dalam daerah Port Dickson.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah bank di Lukut, Port Dickson pada 16 November 2017.

Oleh itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan.

Pihak pendakwaan dikenal pasti Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali menawarkan jaminan sebanyak RM5,000.

Tertuduh yang diwakili peguam Datuk Hanif Hassan bersetuju dengan jumlah jaminan berkenaan.

Mahkamah kemudiannya menetapkan jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan perlu melaporkan diri di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Daerah Port Dickson pada atau sebelum 7 hari bulan setiap bulan.

Sebutan semula kes pada 30 Ogos.



MOHD Fauzi membuat pengakuan tidak bersalah terima suapan lima tahun lalu.